



PAPARAN skrin pada Majlis Pelancaran MyDigital dan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia oleh Perdana Menteri, semalam.

## MYDIGITAL

# 5G SATU MALAYSIA

Oleh Mahaizura  
Abd Malik  
[mahaizura@hmetro.com.my](mailto:mahaizura@hmetro.com.my)

Kuala Lumpur

**E**mpat prasarana digital di bawah MyDigital akan mula dibina bagi merancakkan inovasi dan mewujudkan sebuah ekosistem digital berkesan.

Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, inisiatif pertama membabitkan pelaburan sejumlah RM21 bilion sepanjang lima tahun melalui projek Jalinan Digital Negara (Jendela) untuk memantapkan kesalinghubungan sedia ada.

"Rangkaian gentian optik talian tetap ini akan meliputi hampir 100 peratus kawasan berpenduduk secara berperingkat. Ini termasuk daripada 7.5 juta premis pada hujung tahun 2022 kepada 9 juta premis menjelang penghujung 2025.

"Bersandarkan rangkaian gentian optik yang lebih luas ini, negara akan lebih bersedia untuk beralih ke teknologi rangkaian selular generasi kelima (5G) dalam masa terdekat," katanya pada Majlis Pelancaran MyDigital dan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia secara maya di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, semalam.

Prasarana kedua, katanya, sejumlah RM1.65 bilion akan dilaburkan beberapa syarikat telekomunikasi untuk memantapkan sambungan ke jaringan kabel dasar laut antarabangsa sehingga 2023.

"Ini akan membuka ruang untuk pemindahan data antarabangsa yang lebih cepat dan stabil, sekali gus menurunkan kos internet kepada pengguna di Malaysia.

"Ketiga, sejumlah RM15 bilion akan dilaburkan sepanjang 10 tahun untuk pelaksanaan 5G ke seluruh ne-

gara yang akan mewujudkan lebih 105,000 peluang pekerjaan.

"Usaha ini akan dilaksanakan melalui sebuah entiti khusus di bawah kerajaan yang akan diberikan spektrum bersesuaian untuk memiliki, melaksana dan menguruskan infrastruktur 5G," katanya.

Beliau berkata, semua syarikat telekomunikasi berlesen akan mendapat akses infrastruktur sama rata dalam memasarkan perkhidmatan 5G kepada pelanggan mereka.

"Perkongsian infrastruktur ini membolehkan syarikat telekomunikasi menjana pulangan lebih tinggi dan seterusnya dapat memberikan khidmat 5G yang lebih baik dan murah kepada pengguna," katanya.

Menurutnya, prasarana keempat membabitkan pelaburan antara RM12 bilion dan RM15 bilion akan dilaburkan oleh syarikat pe-

nyedia perkhidmatan awan (CSP) dalam tempoh lima tahun akan datang.

"Kerajaan setakat ini sudah memberikan kebenaran bersyarat kepada empat syarikat CSP iaitu Microsoft, Google, Amazon serta Telekom Malaysia untuk membina dan menguruskan pusat data berskala hiper dan perkhidmatan cloud services."

"Pusat data yang berskala hiper ini serta perkhidmatan awan hibrid juga akan diwujudkan untuk menambah ruang penyimpanan data, mengurangkan kos operasi dan meningkatkan kecekapan analisis."

"Sebagai langkah untuk memperkasakan perkhidmatan pengkomputeran awan sektor awam, kerajaan menerusi strategi Cloud First yang mensasarkan migrasi 80 peratus data awam ke sistem awan hibrid ini menjelang akhir 2022," katanya.